

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. MICHEAL JEYAKUMAR
DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar [Sungai Siput] meminta PERDANA MENTERI menyatakan pendapatan bulanan rumah di kawasan Sg. Siput (U), Perak dengan memberi bilangan keluarga dengan pendapatan bulanan di bawah RM1,000, di antara RM1,001-RM2,000, di antara RM2,001-RM3000, di antara 3,0001-RM5,000 dan RM5,001 ke atas, mengikut pecahan etnik

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik bagi pendapatan isi rumah bulanan purata diperoleh daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR / KA) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dua kali bagi tempoh 5 tahun. Penyiasatan ini direka bentuk bagi memberikan anggaran pendapatan sehingga peringkat nasional, negeri, strata bandar dan strata luar bandar.

Justeru itu, maklumat pendapatan isi rumah bulanan purata yang khusus bagi kawasan Sungai Siput (U) tidak dapat dibekalkan. Namun begitu, pendapatan isi rumah bulanan purata di negeri Perak telah meningkat daripada RM3,548 kepada RM4,268 pada tahun 2014, dengan purata peningkatan sebanyak 9.2 peratus setahun.

Peningkatan pendapatan isi rumah ini juga dapat dinikmati oleh isi rumah di Bandar mahupun di Luar Bandar. Pendapatan isi rumah bulanan purata di bandar telah meningkat sebanyak 7.1 peratus iaitu daripada RM3,974 pada tahun 2012 kepada RM4,581 pada tahun 2014. Manakala pendapatan isi rumah bulanan purata di luar bandar juga turut meningkat sebanyak 8.3 peratus iaitu RM3,277 pada tahun 2014 berbanding RM2,777 pada tahun 2012.

Dalam tempoh yang sama, pendapatan isi rumah bulanan purata mengikut etnik juga telah meningkat di mana etnik Bumiputera telah

menunjukkan peningkatan pendapatan sebanyak 10.9 peratus, diikuti oleh etnik India (8.6 peratus) dan etnik Cina (6.7 peratus).

Peratus bilangan isi rumah berpendapatan di bawah RM3,000 menunjukkan penurunan sebanyak 17.0 peratus iaitu daripada 56.2 peratus pada tahun 2012 kepada 39.2 peratus pada tahun 2014. Penurunan bilangan isi rumah dalam kelas pendapatan di bawah RM3,000 sebulan adalah selaras dengan peningkatan dalam kumpulan isi rumah berpendapatan melebihi RM3,000 sebulan.

Jadual 1: Pendapatan isi rumah bulanan purata mengikut strata, Perak dan Malaysia, 2009, 2012 dan 2014

Negeri/Strata	Tahun			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata	
	2009 (RM)	2012 (RM)	2014 (RM)	2009- 2012 (%)	2012- 2014 (%)
Malaysia	4,025	5,000	6,141	7.2	10.3
Bandar	4,705	5,742	6,833	6.6	8.7
Luar Bandar	2,545	3,080	3,831	6.4	10.9
Perak	2,809	3,548	4,268	7.8	9.2
Bandar	3,146	3,974	4,581	7.8	7.1
Luar Bandar	2,193	2,777	3,277	7.9	8.3

Jadual 2: Pendapatan isi rumah bulanan penengah mengikut strata, Perak dan Malaysia, 2009, 2012 dan 2014

Negeri/Strata	Tahun			Kadar Pertumbuhan Tahunan Penengah	
	2009 (RM)	2012 (RM)	2014 (RM)	2009- 2012 (%)	2012- 2014 (%)
Malaysia	2,841	3,626	4,585	8.1	11.7
Bandar	3,426	4,238	5,156	7.1	9.8
Luar Bandar	1,829	2,372	3,123	8.7	13.8
Perak	2,094	2,665	3,451	8.0	12.9
Bandar	2,354	3,079	3,689	8.9	9.0
Luar Bandar	1,584	2,029	2,769	8.3	15.5

Jadual 3 : Pendapatan isi rumah bulanan purata mengikut etnik, Perak, 2009, 2012 dan 2014

Kaum	Tahun			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata	
	2009 (RM)	2012 (RM)	2014 (RM)	2009-2012 (%)	2012-2014 (%)
Bumiputera	2,727	3,493	4,347	8.3	10.9
Cina	3,017	3,749	4,287	7.2	6.7
India	2,570	3,310	3,935	8.4	8.6
Jumlah	2,809	3,548	4,268	7.8	9.2

Jadual 4 : Pendapatan isi rumah bulanan penengah mengikut etnik, Perak, 2009, 2012 dan 2014

Kaum	Tahun			Kadar Pertumbuhan Tahunan Penengah	
	2009 (RM)	2012 (RM)	2014 (RM)	2009-2012 (%)	2012-2014 (%)
Bumiputera	1,941	2,514	3,505	8.6	16.6
Cina	2,327	2,917	3,499	7.5	9.1
India	1,995	2,465	3,250	7.1	13.8
Jumlah	2,080	2,665	3,451	8.3	12.9

**Jadual 5:
Jumlah isi rumah mengikut selang kelas pendapatan, Perak, 2009, 2012 dan 2014**

Kelas Pendapatan (RM)	Bilangan Isi Rumah ('000)					
	2009	(%)	2012	(%)	2014	(%)
999 dan ke bawah	62.0	11.4	58.0	10.1	25.1	4.2
1,000 – 1,999	198.0	36.3	151.0	26.4	102.4	17.1
2,000 – 2,999	116.0	21.2	113.0	19.7	107.3	17.9
3,000 – 3,999	65.0	11.8	81.0	14.1	126.1	21.1
4,000 – 4,999	37.0	6.9	59.0	10.3	75.1	12.5
5,000 dan ke atas	66.0	12.4	111.0	19.4	162.7	27.2
Jumlah	544.0	100.0	573.0	100.0	598.8	100.0